

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, February 26, 2020 10:09 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Musolla On Wheels Mudahkan Pelajar Solat Dengan Selesa



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 FEBRUARI 2020 / 2 REJAB 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

MUSOLLA ON WHEELS MUDAHKAN PELAJAR SOLAT DENGAN SELESA



UUM ONLINE: *Musolla On Wheels* atau surau bergerak kini membantu memudahkan pelajar UUM untuk menunaikan solat dalam keadaan tenang dan selesa tanpa perlu berebut menunggu giliran.

Pengarah Pusat Penginapan Pelajar (SAC), Roslina Abdullah berkata, surau bergerak ini adalah salah satu inisiatif untuk menyelesaikan masalah berkaitan surau yang sesak pada waktu puncak terutama pada waktu Zohor.

“Surau yang sedia ada tidak mampu untuk menampung jumlah pelajar yang ramai pada satu masa sehingga ada segelintir pelajar terpaksa pulang ke Inapan Siswa (INASIS) untuk menunaikan solat sebelum kembali ke dewan kuliah.

“Prihatin dengan keadaan pelajar ini, SAC dengan kerjasama Syarikat Bas UNIC telah melancarkan surau bergerak di bawah program *Unic Care* yang mula beroperasi sejak Februari lalu dan bas ini diletakkan di parker kereta di UUM COLGIS,” katanya.

Beliau berkata, dengan adanya surau bergerak ini, pelajar tidak perlu lagi bergegas, tambahan pula ruang solat di dalam surau bergerak itu mampu memuatkan antara 15 hingga 17 jemaah pada satu masa dan ia dibuka dari jam 12.30 tengah hari sehingga 6 petang, khusus untuk pelajar lelaki sahaja buat masa ini.

Menurutnya, surau bergerak itu hanya untuk kegunaan pelajar lelaki sahaja menggunakan bas yang telah diubahsuai dengan ciri-ciri moden dilengkapi kemudahan asas seperti ruang solat, tangki air, paip wudhuk, penghawa dingin, selipar dan sejadah.

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan, Wan Muhammad Arishah Wan Anuar berkata, penyediaan surau bergerak ini dapat memberi kemudahan yang baharu kepada pelajar untuk menunaikan solat dengan lebih selesa dan menjimatkan masa.

“Saya dan rakan-rakan selalu menggunakan surau ini kerana kedudukan yang lebih dekat dengan dewan kuliah, di samping dapat mengurangkan kesesakan di surau DKG 5 kerana pelajar akan berebut-rebut untuk menunaikan solat sebelum bergegas ke kelas.

“Dengan adanya surau ini, saya dapat menjimat masa dan tenaga tanpa perlu pulang ke INASIS kerana surau bergerak ini hanya terletak di antara Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 6 dan DKG 5,” katanya.

Bagi pelajar Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan, Wan Ahmad Shazwan Wan Rozak, surau bergerak ini satu kemudahan terbaik kepada pelajar yang berdepan dengan kekangan tempat solat terutama ketika menghadiri kelas.

Menurutnya, kemudahan yang disediakan sangat baik dan ruang solat dilengkapi penghawa dingin yang selesa, sekali gus menarik pelajar untuk menunaikan solat di sini.

Katanya lagi, solat adalah tiang agama yang menjadi kewajipan setiap umat Islam sebagai hamba Allah dan solat boleh dilaksanakan di mana sahaja tidak mengira tempat.

“Saya berharap pelajar UUM dapat memanfaatkan kemudahan *Musolla On Wheels* yang disediakan ini dan kesibukan menghadiri kuliah tidak lagi menghalang pelajar untuk menjaga solat agar berjaya dunia dan akhirat,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.